

21 SEP 1996

Mahathir-Litar

DR MAHATHIR MELAWAT LITAR LUMBA ESTORIL

Oleh: Syed Jamil Jaafar

LISBON, 21 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melawat Litar Lumba Grand Prix Estoril di sini untuk melihat dari dekat lagi kemudahan di situ yang Malaysia berharap dapat memilikinya dalam beberapa tahun lagi.

Perlumbaan GP Formula Satu Grande Premio de Portugal akan berlangsung di litar lumba itu esok dan Dr Mahathir akan mengambil tempat di grandstand untuk menyaksikan perlumbaan itu.

Petronas telah menaja pasukan lumba Red Bull Sauber yang pemandu-pemandunya Heinz-Harald Frentzen dan Johny Herbert masing-masing berada dalam kedudukan ke 11 dan 14 dalam senarai selepas 14 pusingan.

GP Portugis itu merupakan acara kedua terakhir dalam kejohanan dunia 16-pusingan -- pusingan terakhir akan diadakan di Jepun bulan depan.

Dr Mahathir menghabiskan masa pada sebelah pagi melawat litar 4.36 km itu dan melihat daripada dekat lagi pelbagai kemudahan di situ. Semasa lawatan itu beliau diringi oleh Pengerusi Petronas Tan Sri Azizan Zainul Abidin dan Pengerusi Malaysia Airports Berhad Tan Sri Basir Ismail.

MAB sedang membangunkan cadangan litar lumba formula satu Malaysia berhampiran Lapangan Terbang Antarabangsa KL di Sepang.

Perdana Menteri diberi taklimat oleh pegawai-pegawai daripada Persekutuan Antarabangsa Automobil (FIA) dan Persekutuan Antarabangsa Sukan Automobil (FISA) iaitu dua badan antarabangsa yang mengawasi sukan lumba automobil.

Persatuan Penganjur Formula Satu (FOCA) yang turut hadir dalam taklimat itu dan badan-badan pengendali sukan otomobil itu dikatakan berminat mengembangkan kejohanan formula satu, yang merupakan perlumbaan kereta terunggul di Asia.

Buat masa ini Jepun sahaja yang berada dalam sirkit Asia dengan Malaysia, China dan Indonesia mahu menyertainya.

Minat mendalam Dr Mahathir dalam sukan itu jelas daripada kehadiran beliau di sini dan ini dijangka mencerahkan lagi peluang Malaysia dalam menjadi anggota kedua sirkit Asia itu. -- BERNAMA

SJ PR